

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI SELASA, 17 DISEMBER 2024, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 30

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PN-1533-L12524
Senator Dato' Setia Salehuddin bin Saidin minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan tindakan Kerajaan bagi mengatasi isu serius mengenai kadar guna tenaga kerja yang bekerja tidak mengikut kesesuaian kemahiran dan kelayakan terutama dalam kalangan para graduan.
2. PN-1533-L12600
Senator Dato' Ahmad bin Dato' Sri Hj. Ibrahim minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan status terkini komoditi kelapa yang sebelum ini hendak diletakkan di bawah dua lembaga iaitu Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (MPIB) dan Lembaga Koko Malaysia (LKM).
3. PN-1533-L12581
Senator Puan Noorita binti Sual minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah strategi dan dasar Kerajaan untuk membantu pelajar lulusan sarjana muda undang-undang yang hendak beramal namun terkesan dengan peraturan baharu yang diperkenalkan oleh pihak Lembaga Kelayakan Profesion Undang-undang pada tahun 2021 yang mengehendkan percubaan peperiksaan sebanyak 4 kali sahaja.
4. PN-1533-L12512
Senator Tuan Michael Mujah Lihan minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan langkah-langkah proaktif Kerajaan dalam mengekang aktiviti pengimportan sisa plastik di negara ini dan bagaimanakah isu ini mampu ditangani secara keseluruhan menerusi Kepengerusian ASEAN oleh Malaysia pada tahun hadapan.

5. PN-1533-L12821

Senator Tuan Manolan bin Mohamad minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-

- (a) jumlah permohonan Program Sejahtera Komuniti MADANI melalui Dana Komuniti MADANI mengikut negeri dan berapakah permohonan yang sedang diproses dan yang telah diluluskan; dan
- (b) perincian permohonan daripada masyarakat Orang Asli.

6. PN-1533-L12620

Senator Tuan Haji Baharuddin bin Ahmad minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan apakah perincian Kerajaan berkenaan siapakah golongan T15 yang akan ditarik balik subsidi bahan api, pendidikan dan kesihatan seperti yang telah diumumkan oleh Perdana Menteri dalam pembentangan Belanjawan 2025.

7. PN-1533-L12377

Senator Tuan Amir bin Md Ghazali minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :-

- (a) bagaimanakah Kerajaan memimpin usaha pemerkasaan sektor pendidikan untuk memastikan generasi masa hadapan mempunyai kemahiran yang relevan dalam menghadapi era digital dan Revolusi Industri 4.0; dan
- (b) apakah langkah-langkah jangka panjang Kerajaan untuk merapatkan jurang dalam akses pendidikan yang berkualiti.

8. PN-1533-L12789

Senator Puan Anna Bell @ Suzieana binti Perian minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah insentif-insentif kepada golongan wanita bekerja yang menjaga anak mereka bagi mengekalkan mereka dalam pasaran buruh namun pada masa yang sama menjaga orang tua mereka kerana kos pusat jagaan harian orang tua adalah mahal.

9. PN-1533-L13097

Senator Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Che Salleh minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah status atau laporan terkini mengenai isu *sinkhole* yang baru-baru ini berlaku di tengah bandar Kuala Lumpur dan adakah Kerajaan telah mengenal pasti kawasan-kawasan yang berpotensi berbahaya dan berkemungkinan kejadian yang sama berulang, terutamanya semasa peredaran angin monsun.

10. PN-1533-L12406
Senator Dato' Kesavadas a/l A.Achyuthan Nair minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan perincian berkaitan kriteria dalam rancangan penempatan semula Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil di kawasan pedalaman, termasuk sama ada sekolah-sekolah ini akan dipindahkan ke kawasan yang mempunyai populasi penduduk berbangsa India yang lebih ramai dan strategik atau terdapat pertimbangan lain yang relevan.
11. PN-1533-L12834
Senator Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan pencapaian utama yang telah dicapai oleh Kementerian dalam meningkatkan kesejahteraan keluarga berdasarkan Indeks Kesejahteraan Keluarga Malaysia serta perancangan dan cabaran terbesar yang dihadapi dalam usaha meningkatkan Indeks Kesejahteraan Keluarga.
12. PN-1533-L13006
Senator Tuan Robert Lau Hui Yew minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah Kerajaan mempunyai perancangan untuk membenarkan pihak swasta melaksanakan pembangunan serta pembaikpulihan infrastruktur sekolah sebagai satu langkah untuk mempercepatkan pembaikan bangunan-bangunan sekolah yang daif.
13. PN-1533-L12360
Senator Tuan Pele Peter Tinggom minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan mengapakah permohonan daripada Kerajaan Negeri Sarawak yang berjumlah sebanyak RM500 juta untuk penanaman padi tidak tersenarai dalam Belanjawan 2025.
14. PN-1533-L13030
Senator Tuan Haji Hussin bin Ismail minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan langkah dan strategi Kerajaan bagi mengawal rangkaian pasar raya besar yang semakin berkembang masuk ke kawasan kampung-kampung sehingga mengakibatkan kedai-kedai runcit konvensional terpaksa gulung tikar.
15. PN-1533-L12426
Senator Datuk Bobbey Bin Suan minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan tahap kejayaan atau keberhasilan program Asasi TVET bagi kohort pertama pengambilan yang telah tamat.

16. PN-1533-L12544
Senator Prof. Tan Sri Datuk Dr. Hj. Mohamed Haniffa bin Hj. Abdullah minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan langkah-langkah yang sedang diambil oleh Kerajaan untuk mengoptimumkan pengurusan aset awam melalui penggunaan teknologi pengurusan aset dengan teknologi IR 4.0 (*Fourth Industrial Revolution*) yang canggih bagi memastikan ketelusan dan kecekapan dalam pengesanan, pengawasan dan penyelenggaraan aset negara.
17. PN-1533-L12489
Senator Datuk Seri Dr. Hajah Zurainah binti Musa minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan status draf resolusi Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) yang sedang dibangunkan untuk memohon Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ) memberi penghakiman berkaitan pengingkaran undang-undang antarabangsa oleh Israel di Palestin dan Lubnan memandangkan berlaku kemerosotan situasi di lokasi tersebut serta bolehkah Kerajaan mempertimbangkan untuk mewujudkan draf resolusi penggantungan keahlian Israel dalam PBB tanpa keputusan ICJ.
18. PN-1533-L12880
Senator Tan Sri Dato' Low Kian Chuan minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan keberkesanan langkah-langkah sedia ada yang diambil oleh Kementerian untuk meningkatkan kadar sara diri (SSR) bekalan makanan negara untuk mencapai sasaran 2025 seperti yang digariskan dalam Pelan Tindakan Dasar Sekuriti Makanan Negara 2021-2025.
19. PN-1533-L12459
Senator Tuan Abun Sui Anyit minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan :-
- (a) perancangan Kerajaan untuk menjadikan tenaga solar seperti menggunakan bumbung rumah sebagai sumber tenaga elektrik mampan untuk kegunaan domestik; dan
 - (b) langkah-langkah untuk mengelakkan kejadian renjatan elektrik daripada solar jenis ini.
20. PN-1533-L13040
Senator Tuan Mohd Hasbie bin Muda minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah pelajar yang menerima manfaat daripada program Rancangan Makanan Tambahan (RMT) bagi tahun 2024 serta berapakah jumlah peruntukan yang dibelanjakan untuk tahun 2024.

21. PN-1533-L12367
Senator Tuan Pele Peter Tinggom minta **PERDANA MENTERI** menyatakan tindakan pemantauan supaya Program Sejahtera Komuniti MADANI (SejaTi MADANI) mencapai objektif pelaksanaannya iaitu untuk memperkasa ekonomi desa.
22. PN-1533-L12994
Senator Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof minta **MENTERI DIGITAL** menyatakan usaha yang dijalankan untuk menangani kes siber buli dan kesannya kepada pengguna.
23. PN-1533-L12910
Senator Dato' Abdul Halim bin Suleiman minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan usaha berterusan Kementerian untuk menjaga kesejahteraan, kebajikan dan aspek lain kehidupan anggota pertahanan ATM.
24. PN-1533-L12639
Senator Datin Ros Suryati binti Alang minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan jumlah kes buli yang berlaku di Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA) mengikut universiti antara tahun 2010 hingga 2024.
25. PN-1533-L13069
Senator Tuan Haji Abdul Nasir bin Haji Idris minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan status semakan terhadap geran per kapita sebagaimana pindaan yang pernah dibuat melalui Akta Pemberian Mengikut Bilangan Orang 2002 (Akta 622).
26. PN-1533-L12557
Senator Datuk Wira Koh Nai Kwong minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan pertimbangan Kementerian untuk menambahbaik prosedur mendapatkan keputusan pendaftaran pertubuhan di Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia dan berapakah statistik pertubuhan yang berdaftar dan ditolak di Malaysia sejak tahun 2020.
27. PN-1533-L12845
Senator Tuan Roderick Wong Siew Lead minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan jumlah dan lokasi menara komunikasi atau satelit yang telah beroperasi melalui Jalanan Digital Negara (JENDELA) serta jumlah dan lokasi yang akan beroperasi pada fasa seterusnya di kawasan Parlimen Sarikei.

28. PN-1533-L12667
Senator Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan impak negara-negara luar seperti Eropah dan Amerika Syarikat terhadap sektor pelaburan dan perdagangan negara sekiranya Malaysia menjadi anggota BRICS.
29. PN-1533-L12731
Senator Datuk Lim Pay Hen minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan apakah rasional meletakkan isi rumah T15 yang bergaji RM6,500 setiap suami isteri sebagai golongan mahakaya yang tidak layak menerima subsidi dan bagaimanakah definisi adil dapat dicapai apabila terdapat golongan yang terdiskriminasi sebagai contoh bagi pasangan suami isteri bertanggung gaji RM6,500 seperti pasangan guru disamakan dengan mereka.
30. PN-1533-L12951
Senator Dato' Shamsuddin bin Haji Abd Ghaffar minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah usaha-usaha yang dilaksanakan untuk mengesan imigran yang masuk ke negara ini tetapi belum keluar.
31. PN-1533-L12799
Senator Dr. Lingeshwaran a/l Dato' Seri R. Arunasalam minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah Malaysia mencapai sasaran 3.6 Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) iaitu pengurangan 50% dalam kematian dan kecederaan akibat kemalangan jalan raya menjelang 2020 dan bagaimanakah dengan pencapaian terkini untuk sasaran 11.2 SDG serta strategi Kerajaan untuk mencapai sasaran ini.
32. PN-1533-L13048
Senator Tuan Mohd Hasbie bin Muda minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah dapatan Kementerian hasil *postmortem* kekalahan teruk kontinjen Malaysia dalam Sukan Olimpik 2024 yang lalu.
33. PN-1533-L12418
Senator Datuk Bobbey Bin Suan minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah mekanisme Kerajaan bagi memastikan Sabah boleh mengoptimumkan peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan kerana, Sabah hanya mampu membelanjakan lebih kurang 20 peratus peruntukan keseluruhan yang bernilai bilion ringgit disebabkan kekangan masa dan kerenah birokrasi menyebabkan banyak projek yang tertangguh.

34. PN-1533-L12853

Senator Dr. Lingeshwaran a/l Dato' Seri R. Arunasalam minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bagaimana Kerajaan menilai keberkesanan dasar pembayaran bersama bagi produk insurans, takaful perubatan dan kesihatan (MHIT) yang telah berkuat kuasa pada 1 September 2024 kerana dianggap membebankan rakyat dalam keadaan kos perubatan yang terus meningkat serta inflasi kos perubatan yang membimbangkan.

35. PN-1533-L12675

Senator Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli minta **MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan perancangan pihak Kerajaan untuk meningkatkan penyertaan golongan Bumiputera dalam industri perladangan hutan dan perkayuan selaras dengan agenda PuTERA35.

36. PN-1533-L12784

Senator Datuk Haji Mustafa bin Musa minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan tindakan yang lebih wajar berkenaan kenaikan kadar bayaran pemeriksaan statutori bagi jentera-jentera bersijil, kilang, dan pemasangan yang diperiksa oleh Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan pada tahun 2024, serta mengapa pemberitahuan warta mengenai kenaikan ini tidak dipaparkan kepada pihak awam.

37. PN-1533-L12825

Senator Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan strategi dan cabaran kerangka Ekonomi Madani yang dilihat masih lagi gagal dalam usaha menoktahkan kemiskinan tegar secara holistik dan berterusan tanpa bergantung semata-mata kepada bantuan Kerajaan yang sepatutnya sudah dinoktahkan pada tahun 2023.

38. PN-1533-L12397

Senator Dato' Kesavadas a/l A.Achyuthan Nair minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sama ada Kerajaan akan menambah bantuan tunai di bawah BUDI Individu daripada RM 200 kepada RM 300 memandangkan ada rungutan bahawa bantuan bulanan sebanyak RM 200 tidak memadai serta apakah alasan Kerajaan terhadap keputusan tersebut.

39. PN-1533-L13020

Senator Tuan Haji Hussin bin Ismail minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan rancangan menjadikan kepengerusian ASEAN pada tahun hadapan sebagai platform mewujudkan kesedaran kolektif serantau dalam usaha memperjuangkan isu Palestin dan menuntut tindakan tegas terhadap Israel.

40. PN-1533-L12479

Senator Datuk Seri Dr. Hajah Zurainah binti Musa minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan garis masa penubuhan Lembaga Pemantauan Kredit Pengguna (CCOB) setelah RUU Kredit Pengguna diluluskan demi memastikan kawal selia penggunaan perkhidmatan *Buy Now, Pay Later* (BNPL) dilakukan dengan kadar segera dan bagaimanakah Kerajaan akan membantu pengguna yang terjebak dalam hutang akibat ketiadaan kawal selia BNPL.

41. PN-1533-L12704

Senator Puan Rita Sarimah Anak Patrick Insol minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah bilangan pelarian dari pelbagai negara yang berada di Malaysia pada ketika ini dan apakah rancangan Kerajaan untuk menangani masalah sosioekonomi yang timbul akibat daripada keberadaan pelarian di Malaysia.

42. PN-1533-L12872

Senator Tan Sri Dato' Low Kian Chuan minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan projek dan inisiatif pemangkin utama yang digariskan dalam Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (NETR) yang direalisasikan hingga kini.

43. PN-1533-L12439

Senator Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil untuk memastikan pengangkutan awam lebih mesra alam dan mampan dalam usaha mengurangkan pelepasan karbon dan pencemaran udara di negara ini.

44. PN-1533-L12975

Senator Dato' Sivaraj a/l Chandran minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan statistik terkini rakyat Malaysia yang ditahan di luar negara serta apakah tindakan khusus yang diambil oleh Kerajaan untuk mempercepatkan proses membawa pulang mereka yang ditahan dan adakah terdapat perjanjian G2G dengan negara terlibat untuk menyelesaikan isu ini.

45. PN-1533-L12963

Senator Datuk Nelson W Angang minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kementerian memberi peruntukan khas khusus untuk program Mahkamah Bergerak (*Mobile Court*) di Sabah dan Sarawak dan jika ada, berapakah jumlah peruntukan khusus yang telah diberi kepada Mahkamah Tinggi Sabah dan Sarawak bagi tahun 2025.

46. PN-1533-L13060
Senator Tuan Haji Abdul Nasir bin Haji Idris minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan sejauh manakah usaha kerjasama pertahanan antara Malaysia dan Jerman serta negara-negara lain.
47. PN-1533-L12740
Senator Datuk Lim Pay Hen minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan keberkesanan inisiatif yang diimplementasikan Kementerian dalam menambah sumber pendapatan komuniti desa dan apakah bentuk penambahbaikan yang dicadangkan bagi memastikan penglibatan komuniti desa yang lebih luas untuk meningkatkan pendapatan mereka.
48. PN-1533-L12940
Senator Dato' Sri Vell Paari a/l Tun Samy Vellu minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah insentif yang disediakan oleh Kementerian untuk menggalakkan lebih banyak syarikat mengambil pekerja daripada kalangan belia India dan bagaimanakah Kerajaan memastikan kaum India turut mendapat manfaat daripada peluang pekerjaan yang dicipta.
49. PN-1533-L12776
Senator Datuk Haji Mustafa bin Musa minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sama ada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) boleh mempertimbangkan rayuan pencarum KWSP untuk mengeluarkan simpanan mereka bagi membiayai kos bayaran ibadah haji bagi golongan B40.
50. PN-1533-L12892
Senator Datuk Seri Prof. Emeritus Dr. Awang bin Sariyan minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan adakah Kerajaan melakukan kajian impak penubuhan cawangan universiti-universiti negara asing di negara ini dalam konteks ekonomi dan sosiobudaya negara serta hubungan antarabangsa.
51. PN-1533-L12386
Senator Tuan Amir bin Md Ghazali minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian dalam mengukuhkan dasar fiskal negara untuk memastikan pertumbuhan ekonomi yang mampan serta bagaimanakah Kementerian merancang untuk menguruskan defisit dan hutang negara dalam jangka masa panjang.

52. PN-1533-L13106

Senator Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Che Salleh minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan adakah terdapat sebarang usaha untuk mengenal pasti pekerjaan tidak formal yang masih tidak mempunyai gaji siling mahupun perlindungan sewajarnya seperti pegawai Ahli Parlimen yang tidak berkhidmat di Kementerian atau bersama menteri.

53. PN-1533-L12984

Senator Dato' Sivaraj a/l Chandran minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan kriteria yang digunakan dalam meluluskan lesen perkhidmatan seperti SpayLater yang menawarkan skim 'beli dulu, bayar kemudian' serta apakah kelemahan utama dalam skim ini dan langkah kawalan yang diambil untuk mencegah pengguna daripada terperangkap dalam beban hutang berlebihan.

54. PN-1533-L12467

Senator Tuan Abun Sui Anyit minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan status terkini projek jalan raya Bukit Jayong-Data Kakus yang telah diluluskan peruntukan sebanyak RM53 juta dan bilakah jalan tersebut dapat disiapkan.

55. PN-1533-L12718

Senator Tuan Musoddak bin Ahmad minta **PERDANA MENTERI** menyatakan statistik pelajar tahfiz, bidang pengajian dan institusi pengajian dari tahun 2018 sehingga tahun 2023 di bawah Skim Pembiayaan Huffaz (SPH) Jabatan Kemajuan Islam (JAKIM).

56. PN-1533-L12592

Senator Dato' Ahmad bin Dato' Sri Hj. Ibrahim minta **MENTERI DIGITAL** menyatakan jumlah syarikat yang berdaftar di bawah inisiatif status Malaysia Digital (MD) sepanjang tahun 2023 hingga 2024 dan berapakah peratus syarikat yang didaftarkan adalah dari Sarawak.

57. PN-1533-L12745

Senator Datuk Dr. Haji Azhar bin Ahmad minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah usaha yang dilakukan bagi menambah baik sistem pembelajaran yang berasaskan teknologi dan digital supaya murid-murid sekolah mahir dalam pengetahuan komputer dan kecerdasan buatan (AI).

58. PN-1533-L12860

Senator Tuan Manolan bin Mohamad minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan sama ada Kerajaan bercadang untuk meningkatkan bajet bantuan membina rumah baru untuk Orang Asli daripada RM 66 ribu kepada RM 80 ribu untuk sebuah rumah.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1. (D.R.52/2024) Rang Undang-undang Profesion Undang-Undang (Pindaan) 2024 **Bacaan Kali Kedua**
[Menteri di Jabatan Perdana Menteri]
2. (D.R.65/2024) Rang Undang-undang Pemegang Amanah (Pindaan) 2024 **Bacaan Kali Kedua**
[Menteri di Jabatan Perdana Menteri]
3. (D.R.66/2024) Rang Undang-undang Pemegang Amanah (Pemerbadanan) (Pindaan) 2024 **Bacaan Kali Kedua**
[Menteri di Jabatan Perdana Menteri]
4. (D.R.43/2024) Rang Undang-undang Industri Perkhidmatan Air (Pindaan) 2024 **Bacaan Kali Kedua**
[Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air]
5. (D.R.44/2024) Rang Undang-undang Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (Pindaan) 2024 **Bacaan Kali Kedua**
[Menteri Pengangkutan]

- | | | | |
|-----|-----------------|--|--------------------------|
| 6. | (D.R.50/2024) | Rang Undang-undang Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan (Pindaan) (No.2) 2024

[Menteri Kewangan] | Bacaan Kali Kedua |
| 7. | (D.R.53/2024) | Rang Undang-undang Syarikat Labuan (Pindaan) 2024

[Menteri Kewangan] | Bacaan Kali Kedua |
| 8. | (D.R.54/2024) | Rang Undang-undang Amanah Labuan (Pindaan) 2024

[Menteri Kewangan] | Bacaan Kali Kedua |
| 9. | (D.R.55/2024) | Rang Undang-undang Yayasan Labuan (Pindaan) 2024

[Menteri Kewangan] | Bacaan Kali Kedua |
| 10. | (D.R.56/2024) | Rang Undang-undang Perkongsian Terhadap dan Perkongsian Liabiliti Terhadap Labuan (Pindaan) 2024

[Menteri Kewangan] | Bacaan Kali Kedua |
| 11. | (D.R.64/2024) | Rang Undang-undang Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram (Pindaan) 2024

[Menteri Kewangan] | Bacaan Kali Kedua |

12. (D.R.18/2024) Rang Undang-undang Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (Pindaan) 2024 **Bacaan Kali Kedua**

[Menteri di Jabatan Perdana Menteri]

13. (D.R.20/2024) Rang Undang-undang Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (Pindaan) 2024 **Bacaan Kali Kedua**

[Menteri di Jabatan Perdana Menteri]

14. (D.R.46/2024) Rang Undang-undang Majlis Perundingan Gaji Negara (Pindaan) 2024 **Bacaan Kali Kedua**

[Menteri Sumber Manusia]

15. (D.R.61/2024) Rang Undang-undang Ordinan Buruh Sarawak (Pindaan) 2024 **Bacaan Kali Kedua**

[Menteri Sumber Manusia]

16. (D.R.60/2024) Rang Undang-undang Perkongsian Data 2024 **Bacaan Kali Kedua**

[Menteri Digital]

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
(DEWAN NEGARA)**

<u>TAHUN 2024</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH DIBENTANGKAN</u>
ST. 179	Pindaan Kertas Statut 235 Tahun 1983 Akta Ahli Parlimen (Saraan) 1980	17 Disember 2024
ST. 180	Pindaan Kertas Statut 102 Tahun 1980 Akta Ahli Parlimen (Saraan) 1980	17 Disember 2024
ST. 181	Pindaan Kertas Statut 235 Tahun 1980 Akta Ahli Parlimen (Saraan) 1980	17 Disember 2024
ST. 183	AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967 Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan bagi Perbelanjaan ke atas Penilaian Kesediaan Industry4WRD) 2020 P.U. (A) 272/2020 diwartakan pada 21 September 2020	17 Disember 2024
ST. 184	AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967 Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 6) 2020 P.U. (A) 373/2020 diwartakan pada 24 Disember 2020	17 Disember 2024
ST. 185	AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967 Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan Pelaburan dalam Projek Baharu Pengeluaran Bahan Makanan atau Projek Pembesaran) 2020 P.U. (A) 374/2020 diwartakan pada 24 Disember 2020	17 Disember 2024
ST. 186	AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967 Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Kos Pengubahsuaian dan Pembaharuan Premis Perniagaan) 2020 P.U. (A) 381/2020 diwartakan pada 28 Disember 2020	17 Disember 2024
ST. 187	AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967 Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan Kos Latihan di bawah Program Professional Training and Education for Growing Entrepreneurs (PROTÉGÉ- Ready to Work (RTW))) 2021 P.U. (A) 228/2021 diwartakan pada 11 Mei 2021	17 Disember 2024
ST. 188	AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967 Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 9) 2021 P.U. (A) 344/2021 diwartakan pada 23 Ogos 2021	17 Disember 2024

<u>TAHUN</u> <u>2024</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH</u> <u>DIBENTANGKAN</u>
ST. 189	AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967 Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan Khas bagi Pengurangan Sewa Kepada Perusahaan Kecil dan Sederhana) 2021 P.U. (A) 353/2021 diwartakan pada 8 September 2021	17 Disember 2024
ST. 190	AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967 Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan Khas bagi Pengurangan Sewa Kepada Penyewa selain daripada Perusahaan Kecil dan Sederhana) 2021 P.U. (A) 354/2021 diwartakan pada 8 September 2021	17 Disember 2024
ST. 191	AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967 Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 10) 2021 P.U. (A) 370/2021 diwartakan pada 21 September 2021	17 Disember 2024
ST. 192	AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967 Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan bagi Kos Pelaksanaan Pengaturan Kerja Fleksibel) 2021 P.U. (A) 377/2021 diwartakan pada 4 Oktober 2021	17 Disember 2024
ST. 193	AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967 Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan bagi Kos Latihan di bawah Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN)) 2021 P.U. (A) 390/2021 diwartakan pada 11 Oktober 2021	17 Disember 2024
ST. 194	AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967 Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan bagi Perbelanjaan Berhubung dengan Kos Ujian Pengesanan Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19) bagi Pekerja) 2021 P.U. (A) 404/2021 diwartakan pada 20 Oktober 2021	17 Disember 2024
ST. 195	AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967 Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 11) 2021 P.U. (A) 425/2021 diwartakan pada 23 November 2021	17 Disember 2024

<u>TAHUN</u> <u>2024</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH</u> <u>DIBENTANGKAN</u>
ST. 196	AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967 Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan Bagi Penajaan Biasiswa kepada Pelajar Malaysia yang Mengikuti Pengajian Dalam Bidang Kejuruteraan atau Teknologi di Peringkat Sijil Teknik dan Vokasional, Diploma atau Ijazah Sarjana Muda) 2021 P.U. (A) 468/2021 diwartakan pada 23 Disember 2021	17 Disember 2024
ST. 197	AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967 Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 12) 2021 P.U. (A) 478/2021 diwartakan pada 27 Disember 2021	17 Disember 2024
ST. 198	AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967 Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 13) 2021 P.U. (A) 501/2021 diwartakan pada 31 Disember 2021	17 Disember 2024
ST. 199	AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967 Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan bagi Penajaan Biasiswa kepada Pelajar Malaysia yang Mengikuti Pengajian di Peringkat Sijil Teknik dan Vokasional) 2021 P.U. (A) 503/2021 diwartakan pada 31 Disember 2021	17 Disember 2024
ST. 200	AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967 Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan bagi Perbelanjaan berhubung dengan Program Pembangunan Vendor) 2022 P.U. (A) 2/2022 diwartakan pada 6 Januari 2022	17 Disember 2024
ST. 201	AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967 Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan bagi Pelaburan dalam Projek Pengkomersialan Dapatan Penyelidikan dan Kemajuan) 2022 P.U. (A) 3/2022 diwartakan pada 6 Januari 2022	17 Disember 2024
ST. 202	AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967 Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Skim Insentif bagi Pengilang Produk Farmaseutikal) 2022 P.U. (A) 34/2022 diwartakan pada 17 Februari 2022	17 Disember 2024

<u>TAHUN</u> <u>2024</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH</u> <u>DIBENTANGKAN</u>
ST. 203	AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967 Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Skim Insentif Pusat Perdagangan Global) 2022 P.U. (A) 48/2022 diwartakan pada 4 Mac 2022	17 Disember 2024
ST. 204	AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967 Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan bagi Penajaan Biasiswa kepada Pelajar Malaysia yang Mengikuti Pengajian di Peringkat Sijil Teknik dan Vokasional, Diploma, Ijazah Sarjana Muda, Ijazah Sarjana atau Doktor Falsafah) 2022 P.U. (A) 49/2022 diwartakan pada 7 Mac 2022	17 Disember 2024
ST. 205	AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967 Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 2) 2022 P.U. (A) 115/2022 diwartakan pada 15 April 2022	17 Disember 2024
ST. 206	AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967 Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 3) 2022 P.U. (A) 116/2022 diwartakan pada 15 April 2022	17 Disember 2024
ST. 207	AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967 Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan bagi Pelaburan dalam Suatu Syarikat Teroka atau Syarikat Modal Teroka) 2022 P.U. (A) 117/2022 diwartakan pada 15 April 2022	17 Disember 2024
ST. 208	AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967 Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Skim Insentif Hab Prinsipal) 2022 P.U. (A) 164/2022 diwartakan pada 24 Mei 2022	17 Disember 2024
ST. 209	AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967 Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan bagi Perbelanjaan berhubung dengan Program Pembangunan Vendor Industry4WRD) 2022 P.U. (A) 172/2022 diwartakan pada 30 Mei 2022	17 Disember 2024
ST. 210	AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967 Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 7) 2022 P.U. (A) 312/2022 diwartakan pada 6 Oktober 2022	17 Disember 2024

<u>TAHUN</u> <u>2024</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH</u> <u>DIBENTANGKAN</u>
ST. 211	AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967 Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan bagi Pelaburan dalam Projek Baharu Pengeluaran Bahan Makanan yang Diluluskan) 2022 P.U. (A) 351/2022 diwartakan pada 31 Oktober 2022	17 Disember 2024
ST. 212	AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967 Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Skim Insentif Penempatan Semula Perniagaan Penyediaan Perkhidmatan) 2022 P.U. (A) 398/2022 diwartakan pada 28 Disember 2022	17 Disember 2024
ST. 213	AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967 Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) 2023 P.U. (A) 240/2023 diwartakan pada 15 Ogos 2023	17 Disember 2024
ST. 214	AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967 Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Skim Insentif Penempatan Semula Perniagaan Pengilangan) 2023 P.U. (A) 241/2023 diwartakan pada 15 Ogos 2023	17 Disember 2024
ST. 215	AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967 Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (bagi Individu Pemastautin yang Bukan Warganegara dan Memegang Jawatan C Suite dalam Suatu Syarikat yang Diluluskan) 2023 P.U. (A) 242/2023 diwartakan pada 15 Ogos 2023	17 Disember 2024
ST. 216	AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967 Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 2) 2023 P.U. (A) 251/2023 diwartakan pada 23 Ogos 2023	17 Disember 2024
ST. 217	AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967 Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 3) 2023 P.U. (A) 252/2023 diwartakan pada 23 Ogos 2023	17 Disember 2024
ST. 218	AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967 Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Penentuan Pekerja Berpengetahuan dan Aktiviti yang Layak Dalam Wilayah Ekonomi Pantai Timur) 2023 P.U. (A) 330/2023 diwartakan pada 1 November 2023	17 Disember 2024
ST. 219	AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967 Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 4) 2023 P.U. (A) 382/2023 diwartakan pada 19 Disember 2023	17 Disember 2024

<u>TAHUN</u> <u>2024</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH</u> <u>DIBENTANGKAN</u>
ST. 220	AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967 Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 5) 2023 P.U. (A) 383/2023 diwartakan pada 19 Disember 2023	17 Disember 2024
ST. 221	AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967 Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 6) 2023 P.U. (A) 384/2023 diwartakan pada 19 Disember 2023	17 Disember 2024
ST. 222	AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967 Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 7) 2023 P.U. (A) 410/2023 diwartakan pada 29 Disember 2023	17 Disember 2024
ST. 223	AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967 Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) 2024 P.U. (A) 37/2024 diwartakan pada 2 Februari 2024	17 Disember 2024
ST. 224	AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967 Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 2) 2024 P.U. (A) 57/2024 diwartakan pada 23 Februari 2024	17 Disember 2024
ST. 225	AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967 Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 3) 2024 P.U. (A) 75/2024 diwartakan pada 4 Mac 2024	17 Disember 2024
ST. 226	AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967 Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 5) 2021 (Pindaan) 2024 P.U. (A) 106/2024 diwartakan pada 5 April 2024	17 Disember 2024
ST. 227	AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967 Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 6) 2021 (Pindaan) 2024 P.U. (A) 107/2024 diwartakan pada 5 April 2024	17 Disember 2024
ST. 228	AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967 Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 7) 2021 (Pindaan) 2024 P.U. (A) 108/2024 diwartakan pada 5 April 2024	17 Disember 2024

<u>TAHUN</u> <u>2024</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH</u> <u>DIBENTANGKAN</u>
ST. 229	AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967 Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 8) 2021 (Pindaan) 2024 P.U. (A) 109/2024 diwartakan pada 5 April 2024	17 Disember 2024
ST. 230	AKTA CUKAI AKTIVITI PERNIAGAAN LABUAN 1990 Perintah Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan (Pengecualian) 2024 P.U. (A) 127/2024 diwartakan pada 17 Mei 2024	17 Disember 2024
ST. 231	AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967 Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 6) 2022 (Pindaan) 2024 P.U. (A) 157/2024 diwartakan pada 12 Jun 2024	17 Disember 2024
ST. 232	AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967 Perintah Cukai Pendapatan (Insentif Teknologi Hijau) (Aset) (Pengecualian) 2024 P.U. (A) 243/2024 diwartakan pada 17 September 2024	17 Disember 2024
ST. 233	AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967 Perintah Cukai Pendapatan (Insentif Teknologi Hijau) (Projek) (Pengecualian) 2024 P.U. (A) 244/2024 diwartakan pada 17 September 2024	17 Disember 2024
ST. 234	AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967 Perintah Cukai Pendapatan (Insentif Teknologi Hijau) (Bangunan Hijau) (Pengecualian) 2024 P.U. (A) 245/2024 diwartakan pada 17 September 2024	17 Disember 2024
ST. 235	AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967 Perintah Cukai Pendapatan (Insentif Teknologi Hijau) (Perkhidmatan) (Pengecualian) 2024 P.U. (A) 246/2024 diwartakan pada 17 September 2024	17 Disember 2024
ST. 236	AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967 Perintah Cukai Pendapatan (Insentif Teknologi Hijau) (Pajakan Sistem Fotovolta Suria) (Pengecualian) 2024 P.U. (A) 247/2024 diwartakan pada 17 September 2024	17 Disember 2024

<u>TAHUN</u> <u>2024</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH</u> <u>DIBENTANGKAN</u>
ST. 237	AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967 Perintah Cukai Pendapatan (Unit Amanah) (Pengecualian) 2024 P.U. (A) 249/2024 diwartakan pada 20 September 2024	17 Disember 2024
ST. 238	AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967 Perintah Cukai Pendapatan (Unit Amanah Berhubung dengan Pendapatan yang Diterima di Malaysia dari Luar Malaysia) (Pengecualian) 2024 P.U. (A) 250/2024 diwartakan pada 20 September 2024	17 Disember 2024
ST. 239	AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967 Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Pengeluaran Invois Elektronik) 2024 P.U. (A) 265/2024 diwartakan pada 30 September 2024	17 Disember 2024
ST. 240	AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967 Perintah Cukai Pendapatan (Skim Penstrukturan Semula Syarikat) (Pengecualian) 2024 P.U. (A) 289/2024 diwartakan pada 8 Oktober 2024	17 Disember 2024
ST .241	AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967 Perintah Cukai Pendapatan (Tawaran Awam Permulaan) (Pengecualian) 2024 P.U. (A) 290/2024 diwartakan pada 8 Oktober 2024	17 Disember 2024
ST 242	AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967 Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan bagi Pelaburan dalam Syarikat Berstatus Bionexus) 2016 P.U. (A) 306/2016 diwartakan pada 7 Disember 2016	17 Disember 2024